

TANGGUNGJAWAB

Adab, nilai murni dalam pendidikan

Baru-baru ini, sekitar jam 6.45 petang, saya memandu di sebatang jalan raya yang sibuk di Kota Damansara. Kelihatan ramai pelajar dari sekolah menengah berhampiran berada di sepanjang jalan berkenaan. Tidak jauh dari situ terdapat sebuah jejantas untuk pejalan kaki, malangnya hanya sebahagian pelajar berkenaan yang menuju ke arah jejantas itu.

Sebahagian lagi memilih melintas jalan raya berkenaan, sedangkan jalan itu sangat lebar dan sibuk. Ini secara tidak langsung mengganggu kelancaran jalan raya pada waktu puncak. Hanya kerana malas ke jejantas yang jaraknya tidak sampai 10 meter, pelajar terbabit sanggup mengambil risiko menggadaikan nyawa untuk melintas. Sungguh tidak berbaloi.

Saya hanya mampu menggelengkan kepala. Adakah ini sikap hasil pendidikan sepanjang berada

di sekolah? Bukan mahu menyalahkan sekolah atau guru, tetapi saya percaya ada kelompongan pada sistem pendidikan negara hingga menjadikan rakyat kita tidak tahu apa itu nilai murni.

Adakah kerana kita terlalu mengejar *ranking* dalam sistem pendidikan maka kita lupa memberi penekanan lebih terhadap kualitinya? Mungkin inilah hasilnya apabila sistem pendidikan hanya mementingkan kedudukan di dalam kelas, bilangan 'A' di dalam peperiksaan dan pengagihan kelas mengikut prestasi akademik.

Kita sibuk bertanya anak mengenai kerja rumah mereka kerana bagi kita, jika anak tidak dibekalkan tugas sekolah bermakna guru mereka malas. Kita juga sibuk menghantar anak ke kelas tuisyen dan sibuk menakan kepada anak supaya belajar dan terus belajar bagi memastikan mereka tidak turun kelas.

Ternyata sebilangan besar kita menjadi risau apabila anak men-

FORUM

Pembaca yang ingin menyuarakan pandangan berhubung isu semasa boleh menghantar sumbangan menerusi e-mel: bhforum@bh.com.my

capai usia lima tahun tetapi masih belum mampu menulis dan membaca mahupun mengira. Mengapa? Kerana itulah sistem pendidikan kita, bukan hanya pada hari ini tetapi sejak dulu lagi.

Sistem bimbingan

Sikap anak banyak terbentuk seawal usia tiga tahun kerana pada saat itulah mereka mula bermain dan bercampur dengan kanak-kanak lain. Seharusnya perlu ada satu sistem bimbingan agar mereka dapat mengenal pasti baik dan buruk perlakuan mereka.

Namun, di negara ini tiada satu sistem yang tepat membentuk

adab dan nilai murni ke dalam sikap kanak-kanak. Inilah kelompongan yang saya maksudkan.

Bayangkan jika kita mempunyai seorang anak yang berusia lima tahun, sudah mampu membaca dan menulis dengan lancar, pasti amat membanggakan. Tetapi sejurus anak itu berjalan keluar dari tadikanya, tanpa segan silu dia membuang sampah di atas jalan sekalipun tong sampah berada hanya beberapa langkah di hadapan. Di manakah nilai murni yang sepatutnya menjadi fokus utama perkembangan anak seawal usia berkenaan?

Apabila budaya seperti ini terus dibiarkan, maka akan lahir golongan pelajar peringkat remaja yang maju dalam pelajaran tetapi tidak ada nilai dalam diri seperti yang saya alami.

Keluar saja pagar sekolah, mereka melintas jalan raya yang sibuk tanpa rasa bersalah meskipun di bawah sebuah jejantas. Seterusnya apabila dewasa kelak, inilah masyarakat Malaysia yang terbentuk; individu yang tidak mempunyai nilai murni, yang tidak tahu maksud papan tanda tertera 'Dilarang Merokok', 'Jangan Buang Sampah Merata-Rata', 'Silalah Perlahankan Kenderaan Anda', 'Jangan Memotong', 'Ikut Kiri Jika Tidak Memotong', 'Had Laju 110km/j' dan pelbagai lagi.

Papan tanda ini semua hanya

kelihatan seperti papan yang berdiri di tepi jalan atau diletakkan di dinding premis, namun tidak memberi apa-apa makna.

Namun, saya yakin, masih belum terlambat untuk kita mengubahnya. Sebelum ia semakin menular dan menjadi darah daging dalam masyarakat kita, budaya tidak peduli dengan nilai murni dan adab sopan ini perlu dikikis. Pendidikan agama perlu dimanfaatkan sebaiknya.

Jika kita tidak mampu mengubah sistem pendidikan negara, sekurang-kurangnya sebagai ibu bapa, kita mampu melakukan sesuatu di rumah. *Education starts at home*; inilah kata-kata keramat buat setiap yang bergelar ayah dan ibu di rumah.

Tidak kira sama ada kita seorang doktor atau kerani atau mungkin hanya seorang posmen, tanggungjawab menanam nilai murni, adab dan akhlak ke dalam diri anak adalah tanggungjawab kita bersama.

Kita harus pastikan anak-anak datang ke sekolah dengan personaliti yang baik, bukan hanya meletakkan tanggungjawab itu kepada guru semata-mata kerana percayalah, sistem pendidikan negara kita belum lagi menjurus ke arah itu.

Dr Sofia Hayati Yusoff,

Universiti Sains Islam Malaysia.